

'Pensyarah kedekut markah' buat laporan

Oleh JUNHAIRI ALYASA dan
NUZULSHAM SHAMSUDDIN
zulsham@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Selepas lapan bulan menahan sabar dan seksa, seorang pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Yasmin Norhazleena Md. Noor, 35, yang mendakwa dirinya menjadi mangsa penganiayaan tampil membuat laporan polis bagi menegakkan keadilan.

Yasmin membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields di sini pukul 11.15 pagi semalam.

Semasa ditemui selepas membuat laporan, wanita itu berkata, tujuan laporan polis itu dibuat kerana Kementerian Pengajian Tinggi didakwa tidak menjawab surat aduan yang dihantar pada 19 Jun 2008.

Semasa isu itu dibangkitkan April lalu, Yasmin berkata, beliau tidak sangka dengan tindakan universiti itu yang mendesak supaya beliau meluluskan para pelajar gagal.

Lebih sedih apabila Timbalan Naib Canselor Universiti itu juga mengeluarkan kata-kata fitnah bahawa beliau mempunyai niat jahat dalam menggagalkan pelajarannya.



**KERATAN
Kosmo! 15
April lalu.**

"Saya mahu keadilan kerana Timbalan Naib Canselor juga memaki-hamun dan menghalau saya keluar dari USIM gara-gara saya enggan memanipulasikan markah pelajar untuk meluluskan mereka yang gagal," dakwanya.

Ekoran itu, Yasmin pensyarah subjek Al-Ahwal Al-Shak-siyyah (LAA 2053) juga kesal dengan Kementerian Pengajian Tinggi yang didakwa tidak telus dalam siasatan terhadapnya.

"Saya bukan pensyarah jam yang sanggup menggagalkan pelajar. Ada bukti saya meluluskan empat pelajar yang menjawab soalan ikut skema yang ditetapkan.

"Empat pelajar dari dua semester itu lulus disebabkan

Ada pelajar yang sanggup melabel saya sebagai 'janda mental', 'aku kena cerai' dan bermacam-macam lagi tohmahan

YASMIN NORHAZLEENA

mereka mengikut tip-tip menjawab soalan yang saya berikan," katanya.

Ditanya kemungkinan faktor pengajarannya yang kurang berkesan menyebabkan hampir semua pelajarannya gagal subjek itu, Yasmin memberitahu, beliau telah melakukan yang terbaik untuk semua pelajarannya tetapi pihak-pihak tersebut memang mempunyai hak untuk mempertikaikan perkara itu.

Berikutan isu itu, jelas Yasmin, beliau menjadi ejekan beberapa pelajarannya yang sanggup melabel beliau sebagai 'janda mental', 'aku kena cerai' dan bermacam-macam lagi tohmahan semasa beliau masih mengajar di universiti tersebut.

Ekoran tidak tahan tekanan pihak petadbiran USIM, Yasmin akhirnya menghantar

surat meletak jawatan pada 18 Disember 2008.

Bagaimanapun, selepas dua minggu menghantar surat peletakan jawatan itu, Yasmin kemudian berhasrat menarik balik surat itu tetapi pihak universiti menolaknya.

Kosmo! pada 15 April lalu melaporkan, seorang pensyarah yang mahu dikenali sebagai 'Nor' terpaksa meletak jawatan gara-gara hanya empat daripada 157 pelajar jurusan undang-undang lulus.

Empat pelajar yang lulus itu melibatkan pelajar dua kursus berlainan semester dua sesi akademik 2007/2008.

Tekanan yang diberikan terhadap Nor sehingga beliau terpaksa meletak jawatan dikatakan demi menjaga reputasi universiti itu.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri



YASMIN menunjukkan laporan polis yang dibuat di IPD Brickfields, Kuala Lumpur semalam.

Khaled Nordin ketika mengulas mengenai kes tersebut memberitahu, pihaknya sudah mengarahkan pihak USIM untuk menyasailah dakwaan Yasmin dan keputusan sudah pun dibuat.

"Bila Yasmin buat laporan polis, itu hak dia. Saya sudah minta USIM buat siasatan mengenai dakwaannya kerana

na ini adalah sebahagian daripada kuasa autonomi yang diberikan Kementerian kepada setiap universiti di negara ini," katanya.

Menurut Khaled lagi, pihaknya berpuas hati dengan keputusan yang diambil USIM kerana siasatan tersebut dibuat berdasarkan atas prinsip-prinsip keadilan.